



KENYATAAN MEDIA

LANJUTAN PROGRAM JAMINKERJA-INSENTIF PENGGAJIAN BERI TUMPUAN KEPADA GOLONGAN MUDAH TERJEJAS, EKSPLOKASI KERJAYA JAMIN KERJA KELUARGA MALAYSIA 2022 CIPTA REKOD

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang diamanahkan untuk melaksanakan **Program JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP)** di bawah Bajet 2022, menyambut baik keputusan Kerajaan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan Program JKIP ini selama **enam (6) bulan** lagi sehingga **31 Disember 2022**. Dengan pengangguran berada pada kadar 3.8 peratus iaitu lebih tinggi berbanding sebelum pandemik melanda, intervensi dan sokongan Kerajaan bagi terus merancakkan pasaran buruh negara adalah amat penting.

PERKESO juga yakin dapat memenuhi mandat Kerajaan untuk menyediakan **55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan sepanjang pelanjutan ini**. Sasaran tersebut adalah bagi menyokong matlamat Program JKIP untuk mewujudkan sebanyak **300,000** peluang pekerjaan bagi sepanjang tahun 2022.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah mengumumkan pelanjutan Program JKIP, yang telah tamat tempoh asalnya pada **30 Jun 2022**, sewaktu merasmikan **Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022**, pada Isnin lalu.

Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilan pekerja daripada **sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pekerja asing (program *Malaysianization*), Orang Kurang Upaya (OKU), wanita dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.**

Dengan peruntukan sedia ada Program JKIP sebanyak **RM2 bilion** di bawah Bajet 2022, sebanyak **RM475 juta** akan disalurkan oleh PERKESO sebagai insentif kepada para majikan yang mewujudkan peluang pekerjaan dan membuat pengambilan kepada seramai **55,000** pekerja daripada golongan mudah terjejas ini. Untuk sepanjang tempoh pelanjutan JKIP ini, **syarat permohonan dan kadar insentif** kepada majikan serta **bantuan mobiliti** kepada pekerja yang diambil, **kekalkan** seperti sebelum ini.

Sementara itu, **Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022** yang melabuhkan tirainya kelmarin, **27 Julai 2022**, telah dihadiri **hampir 14,000 pengunjung**, Rata-rata daripada mereka adalah dalam kalangan pencari kerja daripada pelbagai kategori seperti lepasan sekolah, para graduan, penganggur dan pekerja yang ingin mengembangkan kerjaya atau mencari peluang yang lebih baik.

Ekspo kerjaya yang berlangsung di **Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur** selama **5 hari bermula dari 23 Julai 2022** ini mencipta kejayaan apabila membantu seramai **1,712 pencari kerja memperoleh pekerjaan**, manakala **10,698 pencari kerja pula berjaya ke peringkat temu duga kedua.**

Ekspo ini merupakan **karnival kerjaya terbesar** yang pernah dianjurkan oleh KSM menerusi PERKESO, di mana lebih **1,000 majikan** daripada pelbagai industri dan perusahaan sosial (*social enterprise*) mengambil bahagian dengan menawarkan **lebih daripada 30,000 peluang pekerjaan**. Menariknya, peluang-peluang untuk pencari kerja menceburi **sektor gig dan keusahawanan** juga disediakan di ekspo kerjaya ini.

Penganjuran program ini telah turut mendapat pengiktirafan daripada **Malaysia Book of Records** sebagai ekspo kerjaya terbesar pernah dianjurkan di Malaysia. Ekspo ini bukan

sahaja tertumpu kepada penawaran peluang pekerjaan dalam sektor formal dan informal, malah turut dimeriahkan dengan penganjuran pelbagai aktiviti lain seperti pertandingan debat, slot-slot ceramah, pertandingan sukan maya (*e-Sports*), serta '*Career Exploration*' untuk mendedahkan para pelajar di peringkat sekolah menengah mengenai kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh semasa serta masa hadapan. Program ini juga diserikan lagi dengan persembahan hiburan dan juga aktiviti cabutan bertuah yang diadakan setiap hari.

Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs, juga di bawah KSM, memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kejayaan penganjuran ekspo kerjaya ini, serta karnival-karnival kerjaya lain di seluruh negara, juga pelaksanaan Program JKIP dan perkhidmatan pekerjaan PERKESO.

Sebagai penyedia perkhidmatan pekerjaan, PERKESO komited untuk terus mempergiat usaha dan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk merancakkan lagi pasaran buruh negara. Pada masa yang sama, PERKESO akan terus aktif melaksanakan intervensi awal bagi menambah baik pasaran buruh semasa bagi mengatasi isu '*mismatch*', '*under-employment*' dan juga kekurangan tenaga kerja dalam beberapa sektor seperti sektor pembuatan dan perhotelan.

PERKESO menyeru semua Keluarga Malaysia yang sedang mencari peluang pekerjaan, sama ada dalam kategori eksekutif dan bukan eksekutif, untuk berdaftar dengan Portal MYFutureJobs. Pencari kerja akan diberikan akses kepada pelbagai peluang pekerjaan dan boleh menyertai karnival kerjaya serta program-program kebolehpekerjaan yang dianjurkan PERKESO di seluruh Malaysia sepanjang tahun.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMED

KETUA EKSEKUTIF PERKESO

29 JULAI 2022